



Available online at [www.sciencedirect.com](http://www.sciencedirect.com)

**ScienceDirect**

Procedia - Social and Behavioral Sciences 134 (2014) 364 – 372

**Procedia**  
Social and Behavioral Sciences

ICLALIS 2013

## Kekuatan dan kelemahan kamus dwibahasa dalam membantu penterjemah

Anida binti Nasuka<sup>a\*</sup>, Siti Nuur Roihan binti Saidin<sup>b</sup>

<sup>a,b</sup>Department of Malay Language, Faculty of Modern Languages and Communication, 43400 UPM Serdang, Malaysia

### Abstract

Kajian ini menyelidik konvensi leksikografi untuk dua buah kamus dwibahasa, iaitu bahawa kamus Milenium Baru Dwibahasa dan kamus Dwibahasa Oxford Fajar. Kajian ini berfokus kepada objektif mengenal pasti kekuatan dan kelemahan kamus dwibahasa tersebut dalam membantu penterjemah. Kerangka kajian yang digunakan oleh pengkaji adalah berdasarkan kepada penggunaan prinsip-prinsip umum leksikografi dengan berpandukan ulasan Béjoint (1994). Beliau menyarankan tiga prinsip umum yang terdapat dalam metabahasa. Pertama, bahasa yang digunakan untuk memerikan kesemua butir leksikal bahasa objek yang dipilih sebagai entri kamus atau bahasa yang memperkatakan bahasa objek. Kedua, cara bahasa ini mempersempit maklumat linguistik dan luar linguistik bahasa objek ataupun cara memperkatakan bahasa objek. Ketiga, konvensi-konvensi leksikografi yang digunakan untuk mempersempit maklumat ini. Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan kaedah kualitatif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kamus Milenium Baru Dwibahasa, kurang membantu penterjemah dalam menterjemahkan petikan teks bahasa Inggeris yang dijadikan data kajian jika dibandingkan dengan kamus Dwibahasa Oxford Fajar.

© 2014 The Authors. Published by Elsevier Ltd. Open access under [CC BY-NC-ND license](#).

Selection and peer-review under the responsibility of the Organizing Committee of ICLALIS 2013.

**Keywords:** kamus dwibahasa; konvensi leksikografi; penterjemah

### 1. Pengenalan

Kamus dwibahasa ialah kamus yang disusun dengan melibatkan dua bahasa, iaitu bahasa sumber dan bahasa sasaran. Maklumat linguistik bahasa sumber tersurat dan tersirat dalam kata entri kamus, dan padanan linguistiknya diberikan dalam bahasa sasaran. Pada umumnya, andaian dibuat bahawa kamus dwibahasa biasanya

\* Corresponding author: Anida binti Nasuka Tel.: +06-013-7087599.

E-mail address: [anidanasuka@yahoo.com](mailto:anidanasuka@yahoo.com)

menguasai satu tetapi tidak atau kurang menguasai bahasa yang satu lagi (Svensen, 1993 dalam Noresah Baharom, 2009). Maka tujuan kamus dwibahasa disusun ialah untuk memberikan maklumat linguistik kepada pengguna kamus, iaitu kata dan frasa dalam bahasa sumber dengan maklumat linguistik yang sepadan yang paling dekat dan padan dari segi semantik, pragmatik, dan laras dalam bahasa sasaran. Berdasarkan fahaman biasa, kamus dwibahasa bermaksud kamus yang menggunakan satu bahasa sumber dan satu bahasa sasaran yang tidak sama. Hal ini bermakna, bahasa yang digunakan untuk memberikan batasan pemerian dan penyajian makna adalah bahasa yang berbeza dengan bahasa entri yang diberikan pemerian dan penyajian makna (Ibrahim Ahmad, 1994: 5). Selain itu, kamus dwibahasa ialah kamus yang mengandungi dua bahasa. Di sini salah satu bahasanya ialah bahasa Melayu. Ada dua jenis kamus dwibahasa: yang pertama jenis kamus yang kata entrinya daripada bahasa Melayu dan erti serta keterangan makannya dalam bahasa lain; dan yang satu lagi jenis yang sebaliknya, iaitu kata entrinya daripada bahasa asing sedangkan erti atau keterangan maknanya dalam bahasa Melayu. (Amat Juhari Moain, 2001).

Pada dasarnya, kategori maklumat dalam sesuatu kamus ialah istilah yang merujuk kepada maklumat yang pengguna boleh dapati daripada sesuatu kamus seperti ejaan, sebutan, makna tatabahasa, etimologi, penggunaan kata dan lain-lain yang dikira penting oleh penyusun dan berguna untuk pengguna kamus berkenaan. Edgar Dale et al. (1971) telah menyenaraikan sebanyak 15 kategori maklumat yang perlu ada dalam sesebuah kamus iaitu kata kepala (entri) atau entri dasa, bentuk kata, ejaan dan ucapan, jenis kata, sinonim dan antonim, konteks penggunaan kata, takrif, catatan penggunaan kata, ilustrasi penjelas takrif, penerbitan kata turunan, contoh penggunaan kata, frasa, petikan, kata asing dan rujuk silang. Manakala bagi Lawrence Johnson (1984) dalam tulisannya yang bertajuk "Some Foundation of Lexicography in SEA Englishes", beliau hanya menyenaraikan 5 kategori maklumat yang harus ada dalam sesebuah kamus iaitu ejaan, sebutan, maklumat morfologi, etimologi dan ilustrasi (Mohd Rasdi Saamah). Terdapat beberapa kategori maklumat dan cakupan kamus. Antara kategori maklumat linguistik yang boleh diperoleh daripada kamus dwibahasa ialah seperti berikut (i) ejaan; (ii) ejaan varian; (iii) Sebutan atau transkripsi fonetik; (iv) kelas kata; (v) padanan dan/atau definisi; (vi) terjemahan contoh penggunaan frasa dan/atau ayat; (vii) glos pada sensa yang diperlukan; (viii) frasa dan gabungan kata;(ix) laras bahasa (x) sinonim; (xi) Antonim; (xii) etimologi; (xiii) bentuk infleksi; (xiv) kata terbitan; (xv) rujuk silang bagi entri yang berkaitan.

Cakupan entri bagi kamus untuk golongan yang sedang mempelajari bahasa kedua atau bahasa asing ini ialah kata-kata yang umum dan meluas penggunaannya serta tinggi kekerapannya dalam bahasa sumber. Kata yang bersifat teknikal, dialek, figuratif dan slanga kurang diberi perhatian. Bagaimanapun, kata atau istilah yang bersifat separa teknikal atau popular diberikan perhatian, misalnya istilah dalam bidang teknologi maklumat yang sering digunakan dalam kehidupan seharian perlu dijadikan kata entri (Noresah Baharom et al., 2009: 117).

## **2. Pernyataan masalah**

Kamus dwibahasa merupakan salah satu alat yang digunakan dalam proses penterjemahan. Hal ini kerana kamus dwibahasa tergolong dalam kategori kamus aktif, iaitu kamus yang digunakan secara aktif untuk kerja penterjemahan. Kamus Inggeris-Melayu Dewan (1992) yang setebal 1945 muka surat merupakan contoh sebuah kamus yang disusun khas untuk keperluan penterjemah. Hal ini menunjukkan bahawa kamus dwibahasa ini sangat penting dalam aktiviti penterjemahan. Walaupun fungsi kamus ini merujuk kepada golongan penterjemah profesional, tetapi pelajar sekolah juga sering menggunakan kamus dwibahasa untuk menterjemahkan teks berbahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu agar mereka dapat memahami teks tersebut dengan mudah. Oleh itu, kaedah penyusunan kamus dwibahasa ini haruslah sesuai dengan kehendak golongan penterjemah, sama ada penterjemah profesional mahupun golongan pelajar. Hal ini kerana, menurut Rahim Mat Leh (2000), kamus yang baik ialah kamus yang kaedah penyusunannya sesuai dengan kehendak sasaran. Sekiranya penyusunan kamus ini tidak sesuai dengan kehendak sasaran, hal ini akan menimbulkan kesukaran kepada penggunanya. Seterusnya, jika maklumat yang diperlukan oleh golongan sasaran kamus itu tiada, kamus dwibahasa itu dapat dikatakan sebagai kamus yang tidak baik.

## **3. Objektif**

Untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan Kamus Milenium Baru Dwibahasa (*New Millennium Dictionary Bilingual*) dan Kamus Dwibahasa Oxford Fajar Edisi Kelima dalam membantu penterjemah.

Download English Version:

<https://daneshyari.com/en/article/1113692>

Download Persian Version:

<https://daneshyari.com/article/1113692>

[Daneshyari.com](https://daneshyari.com)